

DR YUSOF AL-QARADAWI

Soalan ini pernah diajukan kepada Dr Yusof al-Qaradawi. Beliau telah menjawab dengan jawapan yang begitu baik dalam laman webnya:

‘مَوْعُ سَمَاحَةِ الشَّيْخِ يُوسُفِ الْقَرَضَاوِي‘

Jawapan beliau:

فَالسَّيْنَمَا يَتَوَقَّفُ حُكْمُهَا عَلَى حُكْمِ مَا يُعْرَضُ فِيهَا، وَهِيَ مُبَاحَةٌ، بِشَرْطِ أَنْ تَكُونَ مَوْضُوعَاتِهَا بَعِيدَةً عَنِ الْفِسْقِ وَالْفُجُورِ، وَأَلَّا تَشْغَلَ عَنِ وَاجِبِ دِينِيٍّ، وَأَنْ يَبْتَعِدَ فِيهَا عَنِ الْإِخْتِلَاطِ الْفَاسِدِ

“Dr Yusof al-Qaradawi menyatakan Hukuman pawagam bergantung kepada hukum filem apa yang dipertontonkan di dalamnya, dan ianya dibolehkan, dengan syarat kandungan filem itu jauh dari maksiat dan perkara keji. Ianya tidak melalaikan diri dari melaksanakan kewajipan agama, dan jauh dari percampuran lelaki wanita yang merosakkan.”

ADA TIGA SYARAT YANG MEMBOLEHKAN SATU-SATU FILEM ITU DITONTON DI PAWAGAM

PERTAMA

Kandungan filem membawa kebaikan dan manfaat kepada penonton serta jauh dari unsur maksiat dan perkara mungkar.


KEDUA

Jangan sampai menonton filem itu menyebabkan kewajipan solat tidak dilaksanakan. Maka sesiapa yang menonton filem hingga tidak solat hukum haram kerana meninggalkan solat tersebut bukan kerana menonton filem.


KETIGA

Berlakunya percampuran lelaki dan wanita hingga berlaku sentuhan, pelukan dan bercumbuan di pawagam. Jika sekadar duduk sebelah menyebelah itu bukanlah ikhtilat haram (yakni percampuran yang merosakkan). Boleh lihat jawapan Mufti wilayah bagi berkenaan lelaki dan perempuan yang bukan mahram duduk sebelah menyebelah.

Dalam siri **IRSYAD AL-FATWA SIRI KE- 362 : HUKUM DUDUK DI SEBELAH BUKAN MAHRAM DI DALAM KELAS PENGAJIAN.**

Namun jika dapat dielakkan dari berlakunya duduk sebelah menyebelah lelaki dan perempuan bukan mahram eloklah diusahakan.


KESIMPULAN

Di sini jelas **hukum asal pawagam itu harus.** Begitu juga hukum menonton filem pada asalnya juga harus **selama mana tidak ada unsur-unsur haram** yang dinyatakan. Itulah pandangan yang baik dari Dr Yusof al-Qaradawi

SUMBER

مَوْعُ سَمَاحَةِ الشَّيْخِ يُوسُفِ الْقَرَضَاوِي